

Newspaper	Sinar Harian
Date	11 July 2015

8 Sinar Harian • Sabtu 11 Julai 2015

## NASIONAL

# Ayah kata doa selamat sudah cukup: Marina

**SHAH ALAM** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyambut hari lahir ke-90 dalam satu majlis doa selamat bersama keluarga besarnya, kelmarin.

Anak perempuannya, Marina memberitahu, Dr Mahathir suka dikelilingi ahli keluarga, oleh itu adik-beradiknya berusaha agar semua ahli keluarga dapat hadir.

Semalam, Marina melalui dua keping gambar dimuat naik dalam *Facebook*nya menyampaikan ucapan hari lahir kepada bapanya.

"Kepada ayah tercinta, selamat hari lahir ke-90. Moga ayah sentiasa menikmati kesihatan yang utuh, moga ayah sentiasa mempunyai kekuatan dan keberanian lakukan apa ayah fikir betul dan tiba masa menikmati kasih sayang anak-anak, cucu dan bakal cucu perempuan," tulisnya.

Melalui gambar yang dikongsi Marina, Dr Mahathir lengkap memakai baju Melayu berwarna biru dengan sampings dan bersongkok.

Sementara itu, Marina melalui laporan sebuah portal memberitahu, majlis doa selamat tersebut adalah permintaan Dr Mahathir.

"Kami telah fikirkan apa nak buat pada hari jadi beliau ke-90. Patutkah kami adakan satu



**Marina bersama Dr Mahathir yang dipetik dari Facebooknya.**

majlis yang besar, patutkah kami buat sesuatu yang lain?

"Saya fikir untuk buat sesuatu seperti program anugerah sempena namanya, tapi beliau tak mahu. Beliau tidak mahu apa-apa atas namanya," kata Marina.

Menurut Marina lagi, Dr Mahathir hanya mengatakan majlis doa selamat sudah cukup.